

Bendahara Johor Lama Menjadi Raja Pahang

Tun Suzana@ Suzana Hj Othman

Suatu masa dahulu, Demang Lebar Daun yang mempunyai kerajaan di Tanah Andalas, Palembang telah merajakan Nila Utama (sesetengah riwayat menyebut sebagai Sang Saperba) menggantikan sebagai raja, kemudian dikahwinkan dengan puterinya lalu berlakulah Waad atau Sumpah Setia diantara keduanya. Daripada titisan Demang Lebar Daun inilah lahirnya jurai raja-raja dan bendahara-bendahara Melaka daripada sebelah lelaki dan perempuan. Demang Lebar Daun kemudian 'menurunkan martabatnya kepada Mangkubumi, atau disebut sebagai 'Bendahara'.

Daripada peristiwa bersejarah ini juga, lahirlah beberapa adat Raja-raja Melayu, antaranya perkahwinan puteri Bendahara dengan Sang Raja bagi melahirkan zuriat gahara sebagai calon waris pemerintah, Bendahara menjadi sebuah institusi yang menyimpan 'perbendaharaan rahsia raja', menjadi 'King Maker', berperanan sebagai penjaga dan penasihat raja serta boleh menaiki takhta atau memangku jawatan raja jika keadaan demikian diperlukan.

Daripada jurai Demang Lebar Daun ini, mewujudkan dinasti Bendahara Melaka (yang kemudian ditakdirkan mendapat titisan Amir Badruddin Khan Shindi Syeikh Matraluddin Baharshid dari Kesultanan Delhi), dan belakngan daripada darah Syed Idrus dari kesultanan Aceh dan ahlul-bait Nabi saw (kesultanan Johor Lama titisan Bendahara).

Pemilikan tanah yang berada dalam wilayah jajahan Melaka sebagai cucu cicit Demang Lebar Daun, sebahagiannya diserahkan kepada keluarga Bendahara sebagai mengikut tradisi yang berasal usul daripada adat Demang Lebar Daun. Contohnya Sungai Ujung dan tanah Kelang pernah dimiliki oleh Bendahara Tun Perak.

Sebagai pewaris kesultanan Melaka, kesultanan Johor Lama memiliki jajahan yang luas termasuk Pahang, tanah besar Johor, Singapura dan pulau-pulau di selatan Singapura termasuk Riau dan Lingga. Pada masa ini tradisi pemilikan sebahagian tanah jajahan Johor kepada keluarga bendahara masih diteruskan, seperti Bendahara Sekudai@ Tun Jenal yang memiliki tanah Rembau dan zuriatnya kemudian memiliki daerah Muar bermula dari masa Syed Jaafar (saudara Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid dan Marhum Bakal permaisuri Sultan Ibrahim Shah Johor).

Dalam adat Melayu, wilayah kesultanan hanya boleh diperolehi dengan jalan KURNIA SULTAN, yang mana pihak yang mendapat kurnia tetap bertuankan pada raja yang mengurniakan tanah tersebut sedangkan tanah tersebut kini menjadi milik keluarga dan keturunannya. Cara lain memperolehi wilayah adalah dengan jalan peperangan.

Ramai yang keliru dengan status asal-usul dinasti bendahara di Pahang. Bagaimana satu jawatan yang ahli-ahli akademik kontemporari mentafsirkan seumpama jawatan 'Perdana Menteri' dalam struktur pemerintahan Malaysia masakini, namun dalam masa yang sama berperanan sebagai Raja Pahang, yang kemudiannya mewujudkan Kesultanan Pahang Moden. Bagaimana Perdana Menteri boleh menjadi raja???

Kekeliruan ini bertambah kalut dengan kenyataan seumpama berikut:

i. Dalam judul 'Perang Melayu : Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama' yang ditulis oleh Prof Dr Abdullah Zakaria Ghazali , menurutnya dalam konteks perang saudara di Pahang yang tercetus diantara En Wan Ahmad dan Tun Mutahir (1857-1863):

“Jawatan yang menjadi saingan ialah Bendahara dan bukan takhta kerajaan.”

ii. Sesetengah ahli akademik dan sejarahwan lain pula menyebut bahawa Perang Pahang merupakan perang mengenai “perebutan kuasa dan takhta kerajaan” (Norazit Selat, Aruna Gopinath, Jang Aisjah Mutallib).

Tidaklah sukar untuk melihat bahawa kedua-dua kenyataan di atas merupakan kenyataan yang jauh berbeza. Apabila disebut peperangan di Pahang sebagai 'perebutan' jawatan Bendahara (kenyataan i di atas), ianya membawa maksud bahawa En Wan Ahmad menuntut jawatan Bendahara daripada Tun Mutahir, iaitu jawatan sebagai Penasihat dan Penabal Sultan Johor Lama.

Sedangkan maksud 'perebutan kuasa dan takhta kerajaan' (kenyataan ii di atas, hakikatnya bukan 'merebut', tetapi merampas) membawa implikasi bahawa yang dituntut itu adalah pada kedudukan Tun Mutahir sebagai raja bagi negeri Pahang.

Mana satu daripada kenyataan di atas yang tepat dan betul? Adakah En Wan Ahmad merampas jawatan sebagai Bendahara Johor Lama daripada Tun Mutahir, atau kedudukannya sebagai Raja Pahang?

Siapakah Tun Mutahir? Bendahara Johor Lama atau Raja Pahang? Atau kedua-duanya sekaligus? Bagaimana Bendahara Johor Lama boleh menjadi Raja Pahang?

Di sinilah letaknya pokok kekeliruan sebahagian pengkaji sejarah yang mengupas pensejarahan Perang Pahang dalam tahun 1857-1863M itu.

Logiknya, untuk menyatakan bahawa Perang Pahang merupakan perang mendapatkan jawatan Bendahara Johor Lama adalah tidak tepat sama sekali. Kerana menurut perundangan watan, jawatan Bendahara tidak boleh dirampas kerana ia mengkhianati fungsi utama Bendahara sebagai penjaga adat Raja-Raja Melayu yang merangkumi juga tatacara perlantikan seorang Bendahara. Bagaimana boleh 'mengkhianati adat untuk mengambil kedudukan sebagai penjaga adat'?! Ini sudah tentu merupakan perkara yang menjolok mata kepada bangsa Melayu. Apatah lagi jawatan Bendahara yang merupakan jawatan warisan itu memerlukan restu Sultan Johor Lama dan baginda secara adatnya tidak akan merestui perlantikan Bendaharanya yang melanggar adat. Hal ini terbukti dalam sejarah iaitu tidak pernah berlaku peristiwa perampasan kuasa Bendahara dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.

Pahang 'Merdeka' Tahun 1853?

Dalam peristiwa Perang Pahang (1857-1863) yang membabitkan Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir di satu pihak dan adindanya Che Wan Ahmad (ibu lain) di pihak yang lain, Tun Mutahir akhirnya meninggal dunia dalam tahun 1863. Dengan kemangkatannya, maka berakhirlah institusi bendahara Johor Lama yang berpusat di Pahang, warisan Melayu Melaka. Ini berikutan mengikut undang-undang watan, perlantikan Bendahara adalah tanggungjawab Sultan Johor Lama, sedangkan sebelum itu iaitu dalam tahun 1857 Masihi, Sultan Johor Lama waktu itu iaitu Sultan Mahmud Muzaffar Shah (1841-1857) telahpun dimakzulkan Belanda, angkara politik campur tangan dan pecah perintah yang berlaku selama bertahun-tahun melibatkan dua kuasa Barat iaitu British dan Belanda renteten daripada strategi pelaksanaan perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 Masihi.

Perang Pahang terjadi sejurus keruntuhan kesultanan Johor Lama, yang ditandai dengan peristiwa pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah, dengan berlatarbelakangkan senario perpecahan hebat keluarga bangsawan Johor Lama yang sebahagian mereka mula meninggalkan aturan adat dan syariat, bersaing sengit bagi mencari pengaruh Belanda dan British.

Maka dengan keadaan huru-hara sedemikian, menjadi kesukaran untuk terus memelihara dan membentengi institusi pemerintahan tradisi kerajaan Melayu kerana wujud ramai 'gunting dalam lipatan', dan British serta Belanda yang galak menggunakan diplomasi 'ugutan dan ubat peluru' tidak memudahkan usaha mempertahankan aturan tradisi. Maka, cebisan Johor Lama kehilangan Sultan (Mahmud Muzaffar, 1857) dan kemudian Bendahara (Tun Mutahir, 1863).

Namun Tun Mutahir bukanlah hanya seorang Bendahara bagi kerajaan Johor Lama, bahkan juga adalah Raja Pahang. Maka dengan kemangkatannya, berhasillah hasrat adindanya untuk mengambil kedudukannya sebagai Raja Pahang, kerana itulah resamanya zaman dahulu kala, yang sering menjadi punca peperangan adalah kerana merebut atau merampas takhta kerajaan, bukannya jawatan Bendahara yang hanya boleh dilantik oleh tuannya@ Sultan itu!!

Persoalannya, kalau benar yang dituntut oleh Che Wan Ahmad itu adalah pada kedudukan Tun Mutahir sebagai Raja Pahang, bila pula Bendahara Johor Lama bertukar menjadi Raja Pahang? Adakah selepas apa yang disebut oleh sebilangan pengkaji dan penulis, khususnya orientalis barat sebagai 'pengisytiharan kemerdekaan' yang dibuat oleh Bendahara Tun Ali dan Tun Mutahir dalam tahun 1853M? Dan jika benar andaian peristiwa kemerdekaan Pahang dalam tahun 1853 berlaku, dan Tun Ali berubah menjadi 'Raja Pahang', apakah selepas menjadi Raja Pahang secara otomatis jawatan Bendahara Johor Lama menjadi terlupus?

Hakikatnya, pengisytiharan kemerdekaan Pahang seperti yang mula-mula diketengahkan oleh orientalis R.O. Winstedt dalam bukunya A History of Johor, yang kemudian dijadikan rujukan oleh sebilangan sejarawan dan penulis sejarah Pahang yang belakangan, adalah tafsiran yang dibuat berteraskan Kerangka Barat, dan bukan menurut Kerangka Watan, yakni dalam konteks ini, Adat Raja-raja Melayu.

Jika kita tinjau pada surat-surat persendirian Bendahara Pahang selepas tahun 1853M yang didakwa Winstedt sebagai 'tahun kemerdekaan' Pahang, kita akan dapati bahawa Tun Ali masih tetap 'menyembah' kepada Sultan Johor lama yang bersemayam di Lingga. Bagaimana Tun Ali masih tetap melaksanakan tugas sebagai Bendahara Johor Lama jika Pahang telah dimerdekakannya?

Hakikatnya, hanya selepas tahun 1857M, iaitu apabila termakzunya Sultan Mahmud Muzaffar dan terbentuknya Kesultanan Riau-Lingga yang tidak ada kena mengena lagi dengan Kesultanan Johor Lama, maka barulah kedudukan Institusi Bendahara menjadi lupus, dan Bendahara Tun Mutahir kini hanya menjadi Raja Pahang, bukan lagi sebagai Bendahara Johor Lama yang telah tamat itu.

Malangnya, ahli akademik barat seperti Winstedt dan Linehan cuba mentafsirkan kesetiaan Bendahara kepada Sultan Johor Lama ini sebagai 'tabiat lama' yang sukar dihentikan walaupun Pahang telah 'merdeka' dan memutuskan pernaungan daripada baginda. Mereka mengambil jalan mudah dengan mendakwa bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda yang berlaku dalam tahun 1824M itu telah diterima bulat-bulat dan mengikat Raja-raja Melayu yang bersikap mengalah. Oleh itu Bendahara di Pahang telah 'mengambil kesempatan' ini untuk 'memerdekakan' negerinya tetapi masih tetap sukar membuang 'tabiat lama' dengan terus 'menjalankan tugas tradisi sebagai Bendahara Johor dengan restu Sultan'?!?

Winstedt dan Linehan silap apabila cuma membaca corak pemerintahan tradisi orang-orang Melayu dahulukala yang berhubung dengan undang-undang bersumber Adat dan Syariat (Kerangka Watan), dengan menggunakan tafsiran mereka berteraskan Kerangka Barat. Dengan mengambil andaian mudah bahawa Tun Ali telah memecahkan tradisi bendahara dengan memerdekakan Pahang dan merajakan dirinya di situ telah meletakkan bebanan tuduhan kepada Tun Ali sebagai pengkhianat, sedangkan itu tidak kena kepada Tun Ali dalam fungsi tradisinya sebagai penjaga Adat Raja-raja Melayu termasuk sebagai penabal Raja Johor Lama.

Berbalik kepada peristiwa yang disebut oleh penulis-penulis Barat sebagai pengisytiharan 'kemerdekaan' Pahang dalam tahun 1853M itu. Hakikatnya dalam adat Melayu, wilayah tidak diperolehi melalui pengisytiharan kemerdekaan, ianya hanya diperolehi dengan JALAN PEPERANGAN atau KURNIA SULTAN, yang mana pihak yang mendapat kurnia tetap bertuankan pada raja yang mengurniakan tanah tersebut sedangkan tanah tersebut kini menjadi milik keluarga dan keturunannya.

Apa yang berlaku ialah pengisytiharan tersebut merupakan suatu pengumuman semula tentang kedudukan wilayah Pahang yang telah dikurniakan kepada keluarga Bendahara oleh Sultan Johor Lama bermula akhir abad ke 18 Masihi, yang menjadikan Bendahara waktu itu berperanan bukan sahaja sebagai Bendahara Johor Lama, malahan sekaligus Raja Pahang. Pengumuman ini dibuat berikutan pergolakan yang berlaku dalam kesultanan Johor Lama akibat campurtangan British dan Belanda yang memerlukan Bendahara di Pahang mengingatkan pihak British tentang status mereka sebagai Raja Pahang.

Ianya sama dengan kejadian yang berlaku di Muar, yang juga memiliki kuasa otonom sebagai pemilik tanah dan pentadbiran wilayah tersebut yang luas, mewujudkan

institusi Raja Temenggong Muar (bermula sekitar 1700M), namun tetap ‘menyembah’ kepada Sultan Johor Lama di Lingga. Raja Temenggong Muar terpaksa mengingatkan pihak British dan Temenggong Abu Bakar tentang status mereka dalam peristiwa tawar-menawar ‘ketuanan’ cebisan tanah besar Johor yang berlaku sekitar tahun 1877M.

Jika kita menghalusi surat-surat persendirian, adat Raja-raja Melayu Lama serta menelusuri latarbelakang politik Kesultanan Johor Lama pada waktu itu, baru kita faham bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda 1824M yang dibuat secara rahsia tidak dirujuk serta mendapatkan restu Raja-raja Melayu, yang hanya menyedari lama selepas itu (e.g sekitar tahun 1855)!

Hakikatnya, dari tahun 1824M sehingga 1857M, pembesar Melayu masih terus berpegang pada adat Johor Lama, iaitu ‘Raja di Lingga, Bendahara di Pahang, Temenggong di Johor’. Dalam lain perkataan, Bendahara Tun Ali tidak memerdekakan Pahang dalam tahun 1853M seperti yang diandaikan oleh penulis Barat, atas alasan yang mudah, ianya tidak ada dalam kamus Kerangka Watan.

Maka jikalau Pahang tidak dimerdekakan dari kesultanan Johor Lama seperti yang didakwa oleh orientalis, bagaimana, mengapa dan bila pula Bendahara Johor Lama menjadi Raja Pahang?

Jawapannya adalah PENGURNIAAN JAJAHAN PAHANG yang merupakan sebahagian daripada wilayah kesultanan Johor Lama (iaitu Pahang, tanah besar Johor, Singapura, Riau dan Lingga, dan pulau-pulau lain di selatan Johor), oleh Sultan Mahmud Shah III (1761-1812) kepada Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid sekitar akhir abad ke 18 Masihi !!

Bermakna Tun Abdul Majid bin Tun Abbas bin Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV bin Tun Habib Abdul Majid@ Bendahara Padang Saujana, merupakan Bendahara Johor Lama mengikut warisan tradisi keluarganya dari zaman Melaka, sekaligus menjadi Raja Pahang (otonomi) yang pertama dari jurai bendahara, namun tetap bertuan kepada Sultan Johor yang waktu itu bersemayam di Lingga!

Lintas Sejarah Kesultanan Johor Lama

Bagaimanakah bendahara-bendahara Johor Lama kemudiannya dikenali juga sebagai raja-raja Pahang? Perlu diingat, bahawa yang mula-mula sekali menawan negeri Pahang dari tangan Maharaja Siam adalah Bendahara Tun Perak sendiri. Dibuat dengan titah Sultan Mansur Shah Melaka (1456-1477M). Semenjak kejayaan Melaka membebaskan wilayah Pahang dari jajahan Siam, negeri tersebut menjadi sebahagian dari taklukannya. Pahang muncul sebagai kesultanan bersaudara Melaka.

Sulalatus Salatin@ Sejarah Melayu juga menukilkan peristiwa pembunuhan anak Bendahara Tun Perak yang bernama Tun Besar oleh Raja Muhammad, putera kepada Sultan Mansur Shah. Raja Muhammad telah membunuh Tun Besar, kerana sepak raga yang ditendang oleh Tun Besar semasa sedang bermain telah terkena destar Raja

Muhammad yang kebetulan sedang lalu di situ, lalu destar tersebut telah jatuh ke tanah . Keadaan menjadi kucar kacir seketika dan anak-anak buah Tun Perak ingin bertindak membalas perbuatan Raja Muhammad itu. Tun Perak yang keluar rumah kerana terdengar kekecohan yang berlaku diberitakan tentang tragedi tersebut, lalu beliau menyergah: “ Hei! Hei! Hendak derhakakah ke bukit? Hendak derhakakah ke bukit? Nyiah!Nyiah Kamu semua nyiah!.Kerana istiadat hamba Melayu tidak pernah derhaka. Tetapi akan anak raja seorang ini, janganlah kita pertuan!!”

Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Sultan Mansur Syah, lalu dijawab baginda : “ Celaka si Muhammad ini! Hei Muhammad! Apakah dayaku engkau ditolak muka bumi Melaka.” Sultan Mansur Syah akur dengan pendirian Tun Perak, lalu memerintahkan Raja Muhammad untuk dirajakan di salah satu jajahan kesultanan Melaka iaitu di negeri Pahang.

Berikutan peristiwa tersebut, Sultan Mansur Shah telah mengambil keputusan ‘membuang negeri’ anakanda baginda ke Pahang yang menjadi jajahan Melaka itu. Sebelum itu Sultan Mansur Shah telah menitahkan wakil baginda di Pahang yang bergelar Seri Bija Diraja untuk membawa Raja Muhammad ke Pahang dan ditabalkan sebagai Sultan Pahang. Suatu angkatan orang-orang besar Melaka telah dititahkan untuk menyertai Raja Muhammad termasuk Tun Hamzah, menantu Bendahara Seri Amar Diraja yang bakal dijadikan Bendahara Pahang, selain bakal Penghulu Bendahari dan Temenggung Pahang. Seorang anak Seri Bija Diraja dilantik menjadi Hulubalang Besar bergelar Seri Akar Raja, sementara seratus lelaki dan perempuan dari kalangan anak-anak bangsawan Melaka juga turut serta dalam angkatan diraja itu.

Setelah sampai di Pahang, maka dalam tahun 1470 Masihi Raja Muhammad Shah ibni Sultan Mansur Shah telah ditabalkan sebagai pemerintah kesultanan Pahang yang pertama bergelar Sultan Muhammad Shah I. Maka bermulalah sejarah pemerintahan kerajaan Pahang daripada zuriat Raja Melayu Melaka, yang berdaulat kerana mengambil sumber atau punca kuasa daripada Raja Melaka.

Jajahan baginda mencakupi wilayah Sedili Besar hingga ke Terengganu. Hubungan Melaka-Pahang diperkukuhkan apabila Sultan Pahang yang ketiga, iaitu Sultan Abdul Jamil (sekitar 1511-1512M) berkahwin dengan sepupunya Raja Fatimah, puteri kepada Sultan Melaka yang bernama Sultan Alauddin Riayat Shah I (1477-1488M) .

Dinasti Pahang dari titisan Sultan Muhammad Shah I dari Melaka itu sempat melahirkan 12 orang pemerintah untuk tempuh lebih 140 tahun, berakhir dalam tahun 1614 Masihi dengan kemangkatan Sultan Abdul Ghaffur dan Raja Muda Pahang yang bernama Raja Abdullah.

Serangan Portugis yang menamatkan pemerintahan raja-raja Melayu Melaka dalam tahun 1511 Masihi pula telah menerbitkan kesultanan Johor Lama secara langsung. Sebagai pewaris Melaka, sultan-sultan Johor tetap mewarisi kesemua jajahan Melaka kecuali Kota Melaka itu sendiri. Raja Melaka yang terakhir, iaitu Sultan Mahmud Shah I (1488-1511M) meneruskan pemerintahan sebagai raja Johor yang pertama sehinggalah dalam tahun 1528 Masihi apabila baginda mangkat. Baginda juga terkenal sebagai Marhum Kampar. Keturunan Sultan Mahmud I kemudiannya melanjutkan

pemerintahan sebagai raja-raja Johor sehingga berakhir di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah II dalam tahun 1699 Masihi.

Sebagai pewaris langsung kepada kesultanan Melaka, raja-raja Johor tetap meneruskan persemendaan dengan kesultanan bersaudaranya di Pahang. Sultan Mahmud Shah (1515-1530M), Sultan Zainal Abidin Shah (1540-1555M) dan Sultan Mansur Shah III (1555-1560M) semuanya merupakan raja-raja Pahang yang berkahwin dengan puteri-puteri Johor. Malahan seorang raja Pahang yang bernama Sultan Muzaffar Shah (1530-1540M) sendiri telah pergi ke negeri Johor untuk upacara pertabalan baginda yang dinobatkan oleh Sultan Johor iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah II (1528-1564M) .

Bagaimanapun, mulai pertengahan sehingga akhir abad ke 16 Masihi, ketiga kesultanan Johor, Pahang termasuk kesultanan Perak yang merupakan titisan raja-raja Melayu Melaka telah terjerumus dan terbelit dalam gejolak Aceh dalam misi besarnya menghambat kuasa Portugis di Alam Melayu. Pertarungan sengit ini turut melibatkan negeri-negeri di Tanah Melayu, yang mana ironisnya secara tidak langsung, belakngan telah memberi kesan negeri Aceh menjadi 'kesultanan bersaudara' kepada tiga serangkai, cucu-cicit raja-raja Melaka yang tersebut itu.

Ringkasnya kemasukan titisan raja-raja Aceh dalam darah bangsawan Perak, Johor Lama dan Pahang bermula akhir abad ke 16 Masihi sebagai suatu hikmah di sebalik usaha penghambatan kuasa Portugis dari rantau ini !!

Antara natijah lain adalah kembalinya wilayah Pahang menjadi jajahan kesultanan Johor Lama secara langsung, iaitu setelah kemangkatan Sultan Abdul Ghaffur Muhyiddin Shah (1592-1614M) dan putera mahkotanya Raja Abdullah@ Marhum Muda Pahang, sekaligus dalam tahun 1614 Masihi.

Bermakna semenjak tahun 1614 Masihi, jajahan Pahang kembali menjadi sebahagian daripada kesultanan Johor Lama yang mewarisi jajahan-jajahan daripada kesultanan Melayu Melaka. Episod ini berakhir dalam tahun 1699 Masihi dengan tragedi 'Sultan Mahmud yang Mangkat di Julangan' (1685-1699M).

Semenjak itu, bermulalah era pemerintahan kesultanan Johor Lama daripada jurai bendahara bermula daripada Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV ibni Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid. Wilayah jajahan dalam kesultanan Johor Lama ini termasuk Pahang, tanah besar Johor, Singapura, Riau, Lingga dan pulau-pulau lain di selatan Singapura.

Dalam masa pemerintahan Sultan Johor Lama dari waris bendahara ini, iaitu Sultan Mahmud Shah III (1761-1812M) yang berpusat di Lingga, jajahan Pahang telah dikurniakan kepada Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid bin Tun Abbas (1770-1802M). Ianya berlaku dengan berlatarbelakngkan pergolakan politik yang berlaku di kalangan keluarga bendahara Johor Lama dengan bangsawan Bugis.

Pergolakan Bangsawan Melayu dan Bugis

Ianya berpunca daripada zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah I (1722-1760M) yang dilantik oleh Opu Bugis lima bersaudara sebagai Sultan Johor Lama selepas berjaya menolong baginda mengalahkan Raja Kechil. Semenjak diadakan jawatan Yam Tuan Muda Riau sebagai mengenang jasa Opu-Opu Bugis itu, malangnya siasah mulai mengambil tempat adat dalam urusan perlantikan raja-raja Johor. Para pembesar Bugis yang baru mendapat '*durian runtuh*' kerana diberi kesempatan berkongsi kuasa dengan para pembesar Melayu dalam kerajaan Johor Lama yang terkenal berprestij itu¹, kini nekad untuk terus mempertahankan kekuasaan yang berada dalam genggaman mereka. Sedangkan para pembesar Melayu merasa amat tidak puashati apabila melihat urusan pentadbiran negeri yang selama ini dipegang dari generasi nenek moyang mereka sehingga sampai ke tangan mereka kini rata-rata diagih-agihkan diantara para pembesar Bugis.

Dalam hal ini para pembesar Melayu yang diketuai oleh Bendahara dan Temenggong² merasa amat kecewa diatas sikap Sultan Sulaiman. Kelemahan yang ketara di pihak baginda telah menyebabkan pihak Bugis menggunakan kesempatan melantik puak-puaknya ke jawatan-jawatan penguasa yang penting dengan meminggirkan terus peranan para pembesar tradisi Melayu. Susulan darinya, sepanjang tempuh pemerintahan Sultan Sulaiman yang berakhir dalam tahun 1760M, perbalahan diantara para pembesar Melayu dan Bugis seringkali terjadi.

Bagi menjamin kedudukan Yam Tuan Muda Riau dan sukunya sentiasa terpelihara, pembesar Bugis telah memastikan bahawa raja-raja Johor yang kemudian daripada Sultan Sulaiman Badrul Alam tetap dapat menjaga kepentingan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, perlantikan raja-raja Johor Lama yang berikutnya tidak dibuat dengan mengikut garis panduan adat dan aturan perlantikan Raja-Raja Melayu, tetapi lebih kepada pemilihan raja-raja yang dikirakan dapat terus menjaga kepentingan politik suku Yam Tuan Muda Riau.

Dalam hal ini, jawatan Bendahara sebagai pelantik raja serta penghulu bagi para pembesar Melayu yang bertanggungjawab menjaga kedaulatan dan keluhuran Institusi Raja-Raja Melayu dianggap sebagai suatu ancaman besar yang mampu menggugat kepentingan pembesar-pembesar Bugis. Perlantikan raja Johor yang dipastikan oleh Bendahara dibuat dalam batasan adat (gahara, waris tua, restu pembesar tradisi Melayu, ditabalkan oleh Bendahara dan disertakan alat kebesaran) jika dipegang dengan kerasnya tidak memungkinkan pihak Yam Tuan Muda untuk melantik raja-raja Johor pilihan mereka sendiri. Maka cara terbaik yang perlu dilakukan dalam hal ini ialah mencantas peranan tradisi Bendahara melalui jalan kekerasan. Apabila peranan Bendahara dapat dilumpuhkan, maka lebih mudahlah bagi mereka melantik

¹ Kesultanan Johor mempunyai prestij yang tinggi sebagai waris kepada Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal hebat, unggul dan berdaulat di serata dunia.

² Penganjur bagi para pembesar Melayu yang cuba mengurangkan kuasa pihak Yam Tuan Muda Riau ialah Sultan Terengganu yang bernama Sultan Mansur Shah ibni Sultan Zainal Abidin I ibni Bendahara Seri Maharaja (Padang Saujana) Tun Habib Abdul Majid, yang menjadi menantu kepada Sultan Sulaiman. Sultan Mansur Shah atau Tun Dalam adalah juga saudara sepupu kepada Sultan Sulaiman dan berpangkat bapa saudara sepupu kepada Bendahara Tun Hassan ibni Bendahara Tun Abbas. Sultan Mansur dikatakan terlalu marah dengan pembesar Bugis yang memonopoli kuasa dalam kerajaan Johor Lama itu, lalu telah mencetuskan berbagai masalah dengan mereka. Ini memburukkan lagi perhubungan diantara para pembesar Melayu dan Bugis yang memang telah sedia tidak baik itu.

raja pilihan mereka sendiri. Kebetulan pula Bugis memang cukup terkenal dengan kehandalan dan keberanian mereka, Raja Kechil yang sukar dikalahkan oleh para pembesar Melayu itu dengan mudah sahaja dapat ditewaskan mereka. Dalam hal ini para pembesar Bugis telah memilih untuk berpegang pada konsep '*siapa kuat dia kudrat*'³ dalam menentukan urusan perlantikan raja-raja Johor.

Semenjak itu bermulalah era 'tarik tali' diantara pihak pembesar tradisi Melayu dan Bugis, yang mana pembesar Melayu tetap mahu melantik raja Johor mengikut adat yang diamalkan semenjak zaman Melaka lagi, namun pihak Yam Tuan Muda Riau pula mahu melantik raja Johor yang dapat terus menjaga kepentingan mereka, walaupun ini mungkin bermakna perlantikan ataupun kelayakannya terkeluar dari batasan adat Raja-Raja Melayu. Maka setelah kemangkatan Sultan Sulaiman dalam tahun 1760M, dinasti Kesultanan Johor-Riau dari titisan baginda semuanya dipastikan mendapat restu Yam Tuan Muda Riau, sedangkan kelayakan mengikut hukum adat dan aturan Melayu tradisi kini tidak lagi menjadi faktor utama. Hakikatnya di belakang pemerintahan raja-raja Johor semenjak zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam I, Yam Tuan Muda rata-rata memonopoli kuasa untuk kepentingan politik sukunya dan menjadi penguasa Johor yang sebenar. Keadaan ini berlarutan dan meruncing untuk suatu tempuh yang lama.

Dalam tahun 1770M, Temenggong Tun Abdul Majid telah dilantik sebagai Bendahara Johor yang baharu. Kemudiannya diantara tahun 1778-1781M, suatu pakatan sulit telah dibuat diantara Bendahara Tun Abdul Majid, Sultan Terengganu dan Raja Indera Bongsu yang mengirim surat meminta pertolongan Belanda di Melaka dan Inggeris di Benggala, Madras dan Ceylon untuk menyerang Riau serta mengambil kembali Sultan Mahmud III (1761-1812M) yang di bawah pengaruh para pembesar Bugis itu. Dalam hal ini Bendahara Tun Abdul Majid telah mengikut jejak langkah kekandanya Bendahara Tun Hassan yang juga sangat aktif dalam pakatan dengan Sultan Terengganu untuk melumpuhkan dominasi pembesar Bugis yang semakin menjadi-jadi dalam Kesultanan Johor Lama.

Bagaimanapun tidak pula diketahui apakah jawapan yang diberikan oleh pihak Inggeris dan Belanda kepada surat para pembesar Melayu itu. Dalam pada itu pakatan sulit tersebut bocor kepada Yam Tuan Muda Raja Haji yang menyebabkan tindakan selanjutnya tidak dapat dibuat. Berkemungkinan dengan sebab itulah Sultan Mahmud mengurniakan tanah Pahang kepada Tun Abdul Majid kerana memahami bahawa siasah Bugis yang hebat untuk menggantikan tempat Bendahara telah memencilkan terus peranan Bendahara pada waktu itu. Ini menyebabkan Bendahara Tun Abdul Majid serta pembesar Melayu tradisi yang lainnya bertindak agresif untuk menghancurkan kekuatan pembesar Bugis di Riau. Berkemungkinan Sultan Mahmud menghadihkan tanah Pahang kepada pihak Bendahara sebagai pampasan bagi 'memujuk' Tun Abdul Majid yang kecewa dengan tidak-tanduk pembesar Bugis. Tindakan ini juga dapat meredakan api kemarahan yang sedang membuak-buak di dalam diri para pembesar Melayu Johor-Pahang, khususnya di pihak Bendahara.

³ Orang Melayu dahulu kala berpegang kuat pada hukum adat dan syarak yang memegang pada prinsip 'benar-salah' dalam aturan hidup mereka termasuklah dalam urusan pemerintahan negeri. Bagaimanapun pegangan ini kemudiannya digantikan dengan konsep 'siapa kuat dia kudrat' yang lebih mementingkan soal 'menang-kalah' tanpa mempedulikan 'benar-salahnya' sesuatu tindakan itu.

Pengurniaan ini menjadikan kedudukan Bendahara bertukar menjadi 'Raja' bagi wilayah Pahang, namun dalam masa yang sama tetap bernaung di bawah Sultan⁴ Johor Lama. Berikutan dengannya, bendahara-bendahara Johor Lama semuanya lebih dikenali sebagai bendahara-bendahara Pahang atau Raja Bendahara Pahang.

Dalam lain perkataan, semenjak zaman pemerintahan Bendahara Tun Abdul Majid peranan tradisi bendahara-bendahara Johor Lama mengalami perubahan, iaitu **bukan sahaja kekal sebagai Bendahara bagi Sultan Johor, tetapi kini juga menjadi raja (bukan sultan) bagi rakyat negeri Pahang.**

Pahang Kurniaan Sultan Mahmud III Kepada Keluarga Bendahara

Persengketaan Melayu-Bugis 'tergantung' buat sementara waktu apabila dalam tahun 1782M berlaku perbalahan yang sirius diantara pihak pembesar Bugis di Riau dengan pihak Belanda yang pada waktu itu mempunyai pusatnya di Melaka dan Betawi. Persengketaan tersebut kemudiannya melarat-larat menjadi peperangan yang besar untuk tempuh dua tahun berikutnya. Akhirnya pada tahun 1784M Belanda telah membunuh Yam Tuan Muda Riau (IV) pada masa itu, iaitu Raja Haji (*Marhum Shahid Fi Sabilillah*) dan menawan pulau tersebut. Orang-orang Bugis di Riau kebanyakannya diusir keluar oleh pihak Belanda, dan Yam Tuan Muda Riau (V) yang berikutnya, iaitu Raja Ali dan para pengikutnya terpaksa melarikan diri ke Sukadana (Kalimantan) dan berbuat negeri di situ.

Walaupun pihak pembesar Melayu dan Sultan Mahmud tidak terlibat secara langsung dalam persengketaan diantara Belanda-Bugis ini, dan lebih kepada menjadi pemerhatinya sahaja, namun oleh kerana pada masa itu Riau merupakan pusat pentadbiran bagi Kesultanan Johor Lama dan Sultan Mahmud sendiri mempunyai pertalian yang rapat dengan pembesar Bugis, Belanda telah 'menghukum' mereka dengan memaksa menanda tangani surat pengakuan menyerah kalah di atas kapal *Utrecht* pada 1hb November 1784M. Satu lagi perjanjian dibuat diantara pihak Sultan dan pembesar Melayu dengan pihak Belanda pada 7hb Februari 1787M yang memaksa Sultan Mahmud menyerahkan kuasa pentadbiran di Riau sepenuhnya kepada pihak Belanda. Perjanjian ini telah menyebabkan kemarahan di pihak baginda dan pembesar Melayu, lalu telah menghantar utusan membuat pakatan dengan Raja Tempasok di Kalimantan menghantarkan lanun-lanunnya untuk menyerang orang-orang Belanda di Riau.

Serangan mengejut dan pertempuran sengit yang dilakukan oleh lanun-lanun Raja Tempasok akhirnya telah dapat mematahkan kekuatan pihak Belanda. Dalam masa sehari sahaja angkatan Belanda dapat dikalahkan lalu diusir keluar dari Riau. Sultan

⁴ Dalam hirarki pemerintahan bangsa Melayu, Sultan bernaung di bawah Khalifah Othmaniyyah dan Raja bernaung di bawah Sultan. Apabila sultan mengurniakan suatu wilayah yang besar kepada seseorang (lazimnya dari kerabat baginda) tanpa disekalikan dengan alat kebesaran maka ia hanya menjadi Raja bagi wilayah tersebut, iaitu menjadi tuan tetapi tetap bernaung di bawah Sultan. Ini bermakna sebahagian dari cukai yang dikutip di wilayah tersebut akan diserahkan kepada Sultan sebagai penaung sedangkan kuasa dan tanah kini menjadi milik Raja. Jika pemberian wilayah disekalikan dengan alat kebesaran kurniaan Sultan, maka yang dikurniakan wilayah tersebut akan dinobatkan sebagai Sultan. Contoh Raja ialah Raja-Raja Perlis, Raja-Raja Kelantan (semasa bergabung dengan Kesultanan Pattani) dan Raja-Raja Temenggung Muar. Contoh kesultanan yang bernobat pula ialah Kesultanan Perak, Kedah, Brunei dan sebagainya, iaitu mengambil nobat dari Kesultanan Melaka.

Mahmud yang teramat gembira dengan kejayaan ini telah meraikan lanun-lanun itu sebelum mereka pulang semula ke negeri mereka. Bagaimanapun dengan sebab bimbangkan kemunculan semula angkatan Belanda di Riau, Sultan Mahmud telah memutuskan untuk meninggalkan tempat tersebut dan membuat tempat pentadbiran baru di Lingga. Bendahara Abdul Majid dan para pengikutnya pula telah bertolak ke negeri Pahang yang merupakan negeri pegangannya pada waktu itu. Semenjak itu negeri Johor dikirakan berada di bawah takluk Belanda sedangkan Riau pula telah diletakkan orang-orangnya untuk menjaga.

Dalam tahun 1795M, angkatan perang Kompeni Inggeris telah datang merampas Melaka dari tangan Gabenor Belanda. Susulan darinya Riau telah dikembalikan oleh pihak Inggeris kepada Sultan Mahmud, namun oleh kerana baginda masih tetap mahu bersemayam di Lingga, Riau telah diserahkan di bawah penguasaan Engku Muda Muhammad⁵.

Dalam tahun 1801M, api permusuhan telah meledak semula di kalangan pembesar Melayu dan Bugis berikutan suatu peristiwa yang berlaku. Pada tahun tersebut, apabila tiada lagi larangan kepada orang-orang Bugis untuk pergi ke Riau, maka bekas Yam Tuan Muda Riau yang bernama Raja Ali telah berpindah semula ke negeri itu lalu menuntut kepada Engku Muda Muhammad agar diserahkan kembali Riau kepadanya sebagai penguasanya yang sebenar. Bagaimanapun, oleh kerana masing-masing pihak tidak mahu mengaku kalah, maka berperanglah pihak Engku Muda Muhammad dengan pihak Yam Tuan Muda Raja Ali. Akhirnya Engku Muda Muhammad telah menemui kekalahan lalu terpaksa berpindah ke Bulang.

Engku Muda yang kecewa dengan kejadian yang berlaku kemudiannya telah ditawarkan jawatan Temenggong oleh Sultan Mahmud dalam tahun 1803M. Bagaimanapun, beliau enggan menerima jawatan tersebut dengan menempelak:

*“Jika kita tidak dapat menjadi Raja Muda (Yam Tuan Muda Riau), kita tidak mahu bergelar. Sedangkan kesemua pulau, tokong dan negeri Johor adalah di bawah perintah kita dan **negeri Pahang tetap kepunyaan ayah kita Dato’ Bendahara Abdul Majid (Engku Muda Muhammad adalah anakanda saudara Bendahara Abdul Majid)**; kerana hari ini Sultan tidak lagi mengikut nasihat orang Melayu tetapi tinggal di Lingga dan mengurniakan Riau kepada Raja Muda (pembesar Bugis). Lihatlah keadaan kita. Kita sepatutnya memiliki kerajaan ini kerana kita sepusaka dengan Sultan. Mengapa baginda berbuat sesuka hatinya? Sebagaimana Sultan kita juga turunan daripada Sultan Abdul Jalil (Marhum Kuala Pahang) dan adat meletakkan kita sebagai pemerintah kerajaan, mengapa pula baginda menyekat kita? Walaupun kita tidak ditabal, namun siapa yang boleh menyanggah kuasa kita? Jikalau Engku Abdul Rahman⁶ hendak bergelar Temenggong, biarkanlah dia pergi menyembah ke Lingga. Kita tidak sekali-kali! Jika kita ditakdirkan mati, kamu, Engku, akan memerintah pulau-pulau ini dan jangan sekali-kali menyerahkan kerajaan Johor kerana pada fikiran kita, jikalau Sultan tetap*

⁵ Temenggong Tun Abdul Jamal ibni Bendahara Tun Abbas mempunyai tiga orang putera iaitu Temenggong Tun Abdul Hamid, Engku Muda Muhammad dan Daeng Chelak.

⁶ Apabila Engku Muda Muhammad menolak jawatan Temenggong, maka diserahkan kepada anakanda saudaranya yang bernama Tun Abdul Rahman (putera Temenggong Tun Abdul Hamid).

berkelakuan seperti sekarang maka kitalah yang terpaksa menjaga diri atau kita akan dikecewakan⁷"

Kenyataan Engku Muda ini merupakan suatu lagi bukti bahawa Pahang telah menjadi milik keluarga bendahara semenjak zaman Tun Abdul Majid.

Berbalik kepada peristiwa yang disebut oleh penulis-penulis Barat sebagai pengisytiharan 'kemerdekaan' Pahang dalam tahun 1853M itu. Hakikatnya dalam adat Melayu, wilayah tidak diperolehi melalui pengisytiharan kemerdekaan, ianya hanya diperolehi dengan JALAN PEPERANGAN atau KURNIA SULTAN, yang mana pihak yang mendapat kurnia tetap bertuankan pada raja yang mengurniakan tanah tersebut sedangkan tanah tersebut kini menjadi milik peribadi keluarga dan keturunannya. Apa yang berlaku ialah pengisytiharan tersebut merupakan suatu pengumuman semula tentang kedudukan wilayah Pahang yang telah dikurniakan kepada keluarga bendahara semenjak zaman pemerintahan Bendahara Abdul Majid dahulunya itu.

Pengisytiharan tersebut berlaku sejurus selepas peristiwa penyerahan semula tanah besar Johor oleh Tengku Ali kepada Sultan Mahmud di Lingga dalam tahun 1852M. Bendahara (Tua) Tun Ali dan Bendahara Tun Mutahir merasakan perlu untuk mengingatkan Sultan Mahmud bahawa status tanah Johor tidak sama dengan status tanah Pahang. Tanah Pahang adalah tanah kurnia kepada keluarga Bendahara turun temurun sedangkan tanah Johor tidak pernah dikurniakan oleh mana-mana sultan Johor kepada keturunan Temenggong, mereka hanya menjadi pentadbirnya sahaja.

Dalam surat Tun Ali pada Sultan Mahmud dalam tahun 1855M, Tun Ali menyatakan bahawa menurut peraturan orang tua-tua zaman dahulu, tanah Johor dan pulau-pulau di bawahnya adalah '*milik mana-mana sultan Johor yang memerintah dan tiada boleh orang lain mengambilnya kecuali dengan jalan kurnia*'. Ini jelas menunjukkan sehingga tahun 1855M, tanah Johor masih tetap kepunyaan Sultan Johor. Ianya mungkin dibuat sebagai peringatan kepada pihak Sultan Mahmud dan Yam Tuan Muda di Lingga, bahawa walaupun secara adatnya Bendahara di Pahang tetap 'menyembah ke Lingga', tetapi hakikatnya tanah Pahang adalah hakmilik peribadi keluarga Bendahara secara turun temurun dan merupakan kerajaan Raja Bendahara yang sah.

Dalam lain perkataan, pengisytiharan di buat oleh kerajaan Bendahara di Pahang bagi mengingatkan semua pihak bahawa walaupun bendahara-bendahara di Pahang tetap bernaung di bawah Sultan Johor mengikut amalan tradisi, namun status tanah Pahang sebagai tanah kurnia tidak sama dengan status Tanah Besar Johor milik Sultan Johor yang pada masa itu bersemayam di Lingga. Pengisytiharan semula ini dibuat bagi menyelamatkan Pahang daripada terseret dalam kancah politik hebat yang sedang melanda Kesultanan Johor Lama pada masa itu.

Ini dapat menjelaskan mengapa selepas tahun 1853M Bendahara di Pahang masih tetap melaksanakan tugas tradisi mereka. Ianya dapat juga menjelaskan mengapa Tun Mutahir tidak dapat memberi laluan kepada tuntutan Sultan Mahmud Muzaffar yang telah dimakzulkan di Lingga itu sebagai Raja Pahang dalam tahun 1858M, kerana Pahang bukan milik Sultan Johor Lama sebagaimana Muar pada suatu masa dahulu bukan milik Sultan Johor kerana telah dikurniakan oleh Sultan Ibrahim Shah sebagai

⁷ R.O Winstedt, *The Bendaharas and Temenggongs*, JMBRAS, Vol X, pt I, 1932, hlm 63

hadiah mas kahwin kepada keluarga Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid dalam abad ke 17M⁸.

Bagaimanapun, walaupun selepas tamatnya Kesultanan Johor Lama dalam tahun 1857M, Tun Mutahir dan waris-warinya tetap tidak menaikkan diri kepada mertabat 'Sultan' kerana sebagai penjaga Adat Raja-Raja Melayu, baginda afdal tentang adat istiadat yang berkaitan dengan aturan kelayakan dan pertabalan seseorang Sultan yang lebih ketat daripada seseorang raja.

Dalam kedudukan negeri Pahang sebagai tanah milik Bendahara dan kedudukan Bendahara sebagai Raja Pahang yang sah inilah yang membuka keinginan Tun Ahmad untuk merampasnya dari Tun Mutahir, bukan dalam kedudukan Tun Mutahir sebagai seorang Bendahara Johor Lama yang mewarisi jawatan legasi nenek moyang baginda dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Dalam konteks ini gejolak hebat yang melanda Kesultanan Johor Lama mulai awal abad ke 19M, yang melumpuhkan peranan Sultan Johor dan peranan Bendaharanya itulah yang membuka peluang kepada Tun Ahmad untuk merampas kuasa Tun Mutahir sebagai Raja Pahang.

Perlu juga ditekankan di sini bahawa, apabila Tun Ahmad mendakwa bahawa Tun Ali telah memberikan jajahan Kuantan dan Endau dalam surat wasiat baginda bertarikh 1856M itu, hakikatnya pada masa itu Kesultanan Johor Lama masih wujud lagi. Jikalau tanah Pahang itu sebenarnya milik Sultan Johor Lama di Lingga seperti andaian kebanyakan sejarawan moden, maka sudah tentu tidak timbul dakwaan Tun Ahmad bahawa ayahndanya telah mewasiatkan tanah Kuantan dan Endau kepadanya, kerana jajahan tersebut bukan milik Tun Ali tetapi adalah milik sultan.

Benar atau tidak dakwaan Tun Ahmad tentang wujud atau sahnya surat wasiat Tun Ali itu adalah isu yang lain, namun apabila beliau membuat dakwaan tersebut, ianya sudah tentu berdasarkan kefahaman orang-orang Melayu pada waktu itu bahawa negeri Pahang adalah di bawah kerajaan Bendahara yang memiliki tanah di situ (kurniaan tanah sepusaka di zaman Bendahara Abdul Majid), bukan hanya bertindak sebagai pembesar yang mewakili Sultan Johor Lama. Ini juga dapat menjelaskan mengapa kerajaan Raja Bendahara Pahang memiliki struktur pemerintahan yang bersifat '*stand alone*' atau berdiri dengan sendiri dan teratur seperti jawatan Menteri Besar, Orang Kaya Berempat, Orang Kaya Berlapan dan jemaah menteri yang lainnya, sedangkan perkara ini tidak kedapatan di Johor.

Kesimpulannya, banyak kekeliruan serta persoalan yang tercetus mengenai status negeri Pahang dan kedudukan bendahara-bendaharanya bermula daripada zaman Bendahara Tun Abdul Majid bermula pada akhir abad ke 18M mampu dijawab apabila fakta sejarah sebenar dapat digali semula. Para pengkaji, ahli akademik dan pencinta sejarah Melayu perlu difahamkan bahawa semenjak zaman Tun Abdul Majid itu, kedudukan bendahara-bendahara di Pahang berubah menjadi Raja Pahang selain meneruskan tugas tradisi mereka sebagai bendahara bagi Kesultanan Johor Lama yang menaungi negeri Pahang itu.

⁸Tanah Muar itu kemudiannya diambil secara helah di zaman Sultan Abu Bakar Johor. Sila rujuk siasah baginda dalam buku Prof Dr Abdullah Zakaria Ghazali, '*Istana dan politik Johor (1835-1885)*' dan Buyong Adil, '*Sejarah Johor*'.

Wilayah Dinasti Bendahara Pahang

102

A SHORT HISTORY OF MALAYA



Malaya in 1826